



LEBUHRaya Persekutuan sesak teruk kerana ada pemandu memberhentikan kenderaan untuk merakam bangunan KWSP yang sedang terbakar.



ANGGOTA bomba memeriksa bangunan KWSP Petaling Jaya yang terbakar semalam.



BANGUNAN KWSP ini terbakar selepas percikan api daripada kerja-kerja mengimpal besi di tingkat satu terkena penebat dinding polyfoam.

Dinding bangunan KWSP Petaling Jaya guna penebat polyfoam mudah terbakar Percikan api punca kebakaran

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

PETALING JAYA – Asap tebal menyelubungi ruang udara bandar raya Petaling Jaya semalam selepas bangunan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang berusia 58 tahun di Jalan Gasing di sini terbakar.

Kebakaran bangunan yang menempatkan kira-kira 700 pekerja itu turut menyebabkan kesesakan lalu lintas di Lebuhraya Persekutuan ekoran ramai pemandu memberhentikan kenderaan bagi merakam gambar api yang sedang marak menjulang di bangunan setinggi enam tingkat itu.

Bahagian luar bangunan itu terjejas akibat menggunakan dinding bahan mudah terbakar, namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan dalam kejadian pukul 11.30 pagi itu.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Datuk Soiman Jahid berkata, kebakaran itu berpunca daripada percikan api ketika kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan di tingkat satu bangunan tersebut.

Katanya, bangunan berkenaan didapati menggunakan bahan penebat haba jenis polyfoam yang mudah terbakar dan tidak diluluskan untuk membuat bangunan.

Selain bahagian luar, tingkat



SEBAHAGIAN daripada 700 kakitangan KWSP berkumpul di kawasan selamat.



Enam bangunan terbakar, 11 menterdi dalam tragedi pada pagi Sabtu. **KERATAN Kosmo/15 Jun 2017.**

enam bangunan itu yang menempatkan fail-fail turut terbakar kira-kira lima peratus.

“Kebakaran bermula dari tingkat satu di mana kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan. Ketika itu percikan api kimpalan besi (welding) terkena lapisan dinding mudah terbakar itu menyebabkan api merebak dengan pantas.

“Faktor angin yang kuat serta cuaca panas juga menyebabkan hampir keseluruhan bahagian luar bangunan KWSP musnah dijilat api,” katanya kepada pemberita di lokasi kejadian.

Menurutnya lagi, kebakaran membabitkan dinding luar bangunan yang menggunakan polyfoam itu merupakan kejadian pertama di negara ini.

Jelasnya, penggunaan bahan mudah terbakar itu juga melanggar undang-undang dalam pembinaan bangunan.

“Berdasarkan rekod pihak bomba, ini merupakan kejadian pertama dan kita sudah nasihatkan pihak tertentu supaya tidak menggunakan bahan penebat polyfoam yang mudah terbakar untuk membina bangunan.

“Kejadian yang sama berlaku di Grenfell Tower, London pada Jun tahun lalu apabila kediaman bertingkat yang menggunakan polyfoam terbakar dan memusnahkan kira-kira 200 penghuninya,” ujarnya.

KWSP dalam kenyataan semalam mengesahkan kerosakan disebabkan kebakaran itu hanya di bahagian luar bangunan itu dan beberapa buah kereta yang diletakkan berhampiran.

KWSP berkata, sistemnya tidak terjejas dan perniagaan



SOIMAN (kiri) menunjukkan bahan polyfoam yang mudah terbakar.

beroperasi seperti biasa. “Data tidak terjejas akibat kebakaran itu berikutan pelayan data kami berada di lokasi lain dan disokong oleh prosedur sokongan yang bertaraf dunia,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, cawangan Petaling Jaya akan ditutup buat sementara waktu dan ahli boleh menjalankan urusan niaga di cawangan lain atau melalui i-Akaun.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Superintendan Ku Mashariman Ku Mahmood memberitahu tiada unsur khianat dalam kebakaran tersebut.

“Cuma berlaku kesesakan lalu lintas di kedua-dua arah Lebuhraya Persekutuan bersebelahan bangunan KWSP,” katanya.

INFO Bangunan KWSP terbakar

Bangunan KWSP Jalan Gasing

- Sudah berusia 58 tahun, ia pernah beroperasi sebagai Ibu Pejabat KWSP selama 35 tahun dari 1960 hingga 1995.
- Bangunan itu terletak hampir dengan Lebuhraya Persekutuan dan menjadi panduan penduduk Lembah Klang untuk menentukan sempadan di antara Selangor dan Kuala Lumpur.
- Kerja-kerja pengubahsuaian bangunan berkenaan dilaksanakan sekitar 2004 bagi menempatkan Jabatan Teknologi Maklumat KWSP dan Pejabat KWSP Negeri Selangor.
- Bangunan berwujud baharu itu merupakan Pusat Khidmat Setempat bagi perkhidmatan seperti permohonan pengeluaran simpanan, mendaftarkan ahli dan majikan baharu, menerima bayaran caruman dan membekalkan penyata kira-kira ahli.



BANGUNAN KWSP di Jalan Gasing pada 1970-an.

INFO Kebakaran bangunan kerajaan

- 2 Januari 2018** - Bilik makmal komputer Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Uda 2, Johor Bahru, Johor terbakar kira-kira pukul 7.30 pagi.
- 25 Oktober 2017** - Bilik mesyuarat Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Selambau, Sungai Petani, Kedah terbakar dalam kejadian kira-kira 12 tengah hari.
- 25 Oktober 2016** - Unit Rawatan Rapi Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru, Johor terbakar menyebabkan enam terbunuh.
- 29 Julai 2015** - Tingkat sembilan dan 10, Menara Dua, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman di Kuala Lumpur terbakar pada pukul 5.20 petang.

Pekerja KWSP terkejut dengar bunyi letupan

PETALING JAYA – Kira-kira 700 pekerja Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Cawangan Petaling Jaya di Jalan Gasing di sini berdepan detik cemas selepas bangunan setinggi enam tingkat itu terbakar semalam.

Menurut seorang pekerja, T. Saraswati, 38, ketika kejadian dia terdengar bunyi satu letupan dari luar bangunan sebelum dimaklumkan supaya mengosongkan bangunan tersebut.

Katanya, ketika itu dia yang sedang bertugas di kaunter pertanyaan di ruang lobi dimaklumkan bahagian kiri bangunan tersebut sudah dijilat api.

“Saya dengar bunyi letupan dari bahagian luar bangunan. Saya ingatkan bunyi daripada kerja-kerja penyelenggaraan yang sedang dilakukan tetapi terkejut melihat api menjulang bersama asap hitam.

“Saya menjadi panik. Selama tujuh tahun bekerja di sini, ini kali pertama kebakaran berlaku,” katanya kepada pemberita ketika ditemui semalam.

Sementara itu, seorang pemilik kereta Perodua Myvi berputih mata selepas kereta yang baru dibeli pada Oktober tahun lalu turut terjejas akibat kebakaran tersebut.

Dia yang ingin dikenali sebagai Riduan, 29, berkata, dia cuba untuk mengalihkan kereta itu, namun dihalang pihak keselamatan kerana bimbang sesuatu buruk berlaku kerana bahagian hadapan keretanya sudah terbakar.

Dalam perkembangan sama, Setiausaha Persatuan Pesara KWSP, Ismail Abdullah ketika ditemui di lokasi memberitahu bangunan dibina pada tahun 1960 itu mempunyai banyak nostalgia buat dirinya.

Katanya, ketika kejadian dia berada di tingkat empat bangunan bersebelahan dan terkejut melihat kepulan asap tebal.

“Syukur semua pekerja serta pelanggan KWSP selamat,” ujarnya.



ISMAIL